

Ketegasan Adenan tepati harapan rakyat Sarawak



Pembalakan secara haram jejas ekonomi Sarawak.
[GAMBAR HIASAN]

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

Rakyat Sarawak lega, bahkan ada yang menyambut dengan penuh kegembiraan berikutan kesungguhan kerajaan negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem, terus menerus menyatakan pendirian tegas pentadbirannya mengenai isu berbangkit seperti pembalakan haram, rasuah, hak royalti minyak dan gas serta pelaksanaan hukum hudud membabitkan negeri Sarawak.

Kegiatan pembalakan haram dan rasuah dalam aktiviti pembalakan yang kian meruncing, malah makin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini sehingga ada pembalakan haram yang berani menceroboh

kawasan hutan dilindungi diwakili membawa pelbagai implikasi buruk kepada Sarawak. Keadaan ini menuntut tindakan segera pelbagai pihak, terutama kerajaan negeri bagi membendunginya.

Pembalakan haram beri kesan terhadap ekonomi Sarawak

Aktiviti pembalakan haram yang berlaku bukan saja memberi kesan terhadap ekonomi, kerugian jutaan ringgit kepada negeri Sarawak, kemusnahan terhadap alam sekitar, ancaman terhadap ekosistem flora dan fauna, tetapi juga telah menjadi barah yang mendatangkan implikasi politik, membentuk imej negatif pihak luar dan persepsi

buruk dalam kalangan anak Sarawak terhadap isu berkenaan jika tidak ditangani secara berkesan dan menyeluruh.

Lantaran itu, Adenan yang menggalas amanah sebagai ketua eksekutif negeri ini sejak Februari lalu bertegas untuk memerangi aktiviti pembalakan haram dan suapan rasuah antara pembalakan haram dengan anggota penguat kuasa agensi kerajaan yang membuka ruang kepada kegiatan itu.

Buktinya, pelbagai langkah diadakan bagi membendung sindiket haram pembalakan seperti membekukan pengeluaran lesen pembalakan baharu sehingga berjaya mengurangkan kes penyeludupan kayu

balak dan pembalakan haram serta akan melengkapkan 50 pegawai penguatkuasaan Jabatan Perhutanan dengan senjata api bagi operasi membanteras aktiviti itu.

Tuntut royalti lebih tinggi

Selain itu, Adenan turut meminta pembayaran royalti minyak dan gas yang lebih tinggi untuk negeri Sarawak daripada Kerajaan Persekutuan iaitu daripada lima peratus kepada 20 peratus. Pembayaran royalti yang lebih tinggi itu nanti dapat dimanfaatkan bagi merencanakan lagi pembangunan di negeri Sarawak.

Ini tentu membantu kerajaan negeri bagi membangunkan kawasan luar bandar, membekalkan

penduduk di luar bandar dengan kemudahan asas dan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air bersih, bekalan elektrik, membasmi kemiskinan tegar serta meningkatkan kualiti perkhidmatan sosialnya.

Tidak kurangnya juga pendirian tegas kerajaan negeri dalam usaha memelihara hubungan baik dan kesepaduan penduduk berbilang kaum dan etnik di negeri ini harus dipuji yang mengukuhkan keyakinan rakyat berlatar belakang pelbagai anutan agama bahawa mereka dapat terus hidup bersama secara aman damai dan harmoni.

Kwok Chin Hoe,
Universiti Putra Malaysia